

Kesilapan langkah pesilat tempatan kini didedah

Pencak Silat
KELEMAHAN mengolah taktik-taktik langkah dasar untuk ditingkatkan kepada gerak yang lebih menarik dan tinggi dalam sesuatu pertarungan, merupakan satu kesilapan yang besar.

Kelemahan itu terdapat di kalangan pesilat-pesilat tempatan yang menyertai kejohanan silat olahraga anjuran Persekutuan Silat Singapura (Persisi) yang berlangsung di Dewan Badminton Singapura, Guillemard Road, baru-baru ini.

Pandangan

Mereka juga tidak menunjukkan ketangkasan fizikal yang tinggi diperlukan dalam konteks silat olahraga, dan ini menyebabkan mereka tercapung-cungap selepas pertarungan tiga pusingan dua minit itu, seperti ikan yang keluar dari air.

Demikian pandangan seorang pakar silat dari Indonesia yang memimpin rombongan negara itu ke pesta yang dianjurkan sempena Pesta Sukan tahun ini.

Mereka ialah Encik Januarno, ketua bidang taktik dan pengembangan silat dari Ikatan Pencak Silat Indonesia. Beliau ditemani oleh Encik Margono, ketua taktik wasit (pengadil) dalam pertemuan dengan *Berita Harian*.

Mereka mengakui bahawa mutu seni silat yang ditunjukkan oleh pesilat-pesilat Singapura adalah baik dan ia akan dapat diperbaiki lagi sekiranya mereka dapat mengolah taktik dan teknik dasar, iaitu ditingkatkan kepada yang lebih tinggi dalam sesuatu pertarungan.

Katanya: "Dalam sesuatu pertarungan silat olahraga, yang perlu ialah jarak untuk membuat serangan. Pesilat hendaklah bergerak sama ada dengan mengesot, bertapak, melangkah, melompat dan sebagainya. Tetapi mereka tidak seharusnya



ENCIK MARGONO



ENCIK JANUARNO

Oleh SUMADI SARKAWI

nya berlari dalam melangkah untuk jarak pertarungan.

"Dalam membuat serangan, mereka hendaklah juga mengadakan pertahanan diri sendiri. Mereka hendaknya, janganlah menyerang dengan membuta tuli sehingga membuka peluang kepada pihak lawan untuk

membalas serangan...
"Langkah-langkah itu dapat ditingkat dengan memperbanyakkan latihan dan pertarungan." tegasnya.

Encik Januarno menerangkan lagi, para pesilat Singapura telah berjaya menunjukkan mutu yang baik dalam beberapa demonstrasi yang diadakan.

Sambutan

"Jika mereka berjaya menunjukkan permainan yang baik dalam pertarungan (walaupun merupakan satu demonstrasi), perkara itu tidak dapat dibuat oleh mereka dalam pertandingan olahraga," beliau menegaskan.

Menurutnya lagi, Indonesia telah memulakan silat olahraga ini kira-kira 10 tahun yang lalu dan silat ini dipertandingkan dalam Pesta Olahraga Nasional (PON) dengan tujuan mengemukakan seni bela diri, kesenian, olahraga, pendidikan dan persaudaraan.

Katanya lagi, sambutan para penduduk Indonesia terhadap aspek silat olahraga ini sangat baik dan memuaskan walaupun pada mulanya terdapat semacam perasaan "tidak ingin melibatkan diri dalam seni silat, sebaliknya mereka mempelajari seni bela diri yang datang dari luar negeri".

"Alhamdulillah, keadaan ini tidak timbul lagi sekarang. Malah mereka berbangga mengetahui dan mempelajari seni silat di samping menuntut ilmu seni bela diri asing," beliau menjelaskan lagi.

IPSI, menurutnya lagi, berharap untuk menganjurkan satu kejohanan undangan di Jakarta pada Mac tahun depan.

